

30/06/2004

Tidak salah jika calon Puteri lebih berwibawa

By Misiah Taib

"PUTERI Umno masih budak, masih baru, baru setahun jagung. Kalau boleh duduk diam-diam dulu sekurang-kurangnya tiga tahun. Jangan baru masuk Wanita, terus nak bertanding ketua atau naib ketua Wanita bahagian.

"Belajarlah dulu. Tak usahlah terus nak bertanding. Ia hanya akan membawa pecah-belah saja, hanya memporak perandakan parti".

Walaupun agak keras, nasihat Datuk Seri Rafidah Aziz pada mesyuarat Exco Wanita Umno, Jumaat lalu itu, semata-mata bertujuan mahu adik dan anak dalam Puteri Umno belajar dulu daripada Wanita, sebelum tiba masanya untuk diturunkan kuasa kepada mereka.

Malah, Ketua Wanita Umno itu bimbang apabila penyandang sedia ada yang dicalonkan mempertahankan jawatan dicabar, ia boleh menyebabkan parti berpecah-belah.

Ibarat seorang ibu menasihatkan anak, mungkin itulah hasrat sebenar Rafidah selepas menerima aduan daripada Exconya mengenai ada ketua Puteri yang melepasi usia 35 tahun dan baru menyertai Wanita di dua bahagian, berhasrat bertanding jawatan ketua Wanita bahagian.

Walaupun Rafidah enggan menamakan dua bahagian terbabit pada sidang media selepas itu, difahamkan aduan berkenaan membabitkan bahagian Arau di Perlis dan Bukit Bintang di Wilayah Persekutuan.

Tentunya kenyataan Rafidah itu menjadi isu hangat yang menarik perhatian banyak pihak, apa lagi hubungan Wanita dan Puteri mempunyai sejarahnya tersendiri.

Harus diingat, Puteri wujud daripada krisis yang menyentuh kredibiliti Wanita yang sebelum ini dikatakan 'gagal' menarik wanita muda dan profesional, berikutan gayanya yang konon seperti 'mak cik-mak cik'.

Malah, kertas kerja untuk penubuhan Puteri yang dibentangkan Ketuanya, Datuk Azalina Othman Said, juga dikatakan turut menyentuh perkara ini sehingga mencetus perasaan kecil hati di kalangan pemimpin serta ahli Wanita.

Apa pun, selepas tiga tahun penubuhannya, Puteri yang dilancarkan secara rasmi pada 3 Ogos 2001 oleh Presiden Umno ketika itu, Tun Dr Mahathir Mohamad, bukan saja telah menunjukkan kemampuannya menarik lebih 170,000 ahli, malah telah membuktikan kematangannya apabila keempat-empat calonnya menang pada Pilihan Raya Umum Ke-11 lalu.

Malah, dalam beberapa pilihan raya kecil sehinggalah pada pilihan raya umum lalu, Wanita dan Puteri berjaya mengikis tanggapan yang mereka 'tidak sebulu' apabila bekerjasama dengan baik menjayakan kempen Barisan Nasional (BN).

Apa yang menarik perhatian selepas Rafidah membuat teguran terbuka itu ialah dua bahagian yang didedahkan dalam mesyuarat berkenaan tidak memberi sebarang reaksi, sebaliknya Ketua Puteri Batu Pahat yang juga Ketua Puteri Johor, Haliza Abdullah, menjadi orang pertama mengaku akan tetap bertanding jawatan ketua bahagian.

Setiausaha Agung Umno, Datuk Radzi Sheikh Ahmad, yang diminta memberikan reaksi bersetuju dengan saranan Rafidah sambil menganggap ahli Puteri masih baru dalam politik kerana sayap itu hanya berusia tiga tahun dan masih banyak pengalaman yang perlu ditimba.

Pada masa sama, Radzi menolak andaian sesetengah pihak bahawa Rafidah membuat kenyataan itu kerana bimbang kemasukan ahli Puteri ke dalam pergerakan itu akan menggugat kepimpinan Wanita sedia ada.

Sebaliknya, beliau berpendapat Wanita dan Puteri saling melengkapi dan

memainkan peranan besar kepada parti, terutama pada pilihan raya umum lalu.

Azalina pula tegas mempertahankan bahawa bekas ahli Puteri mempunyai hak untuk bertanding dalam pemilihan peringkat Wanita bahagian bulan depan, jika mendapat pencalonan mencukupi.

Ini kerana perkara itu sudah termaktub dalam Peraturan Pergerakan Wanita Umno sendiri yang membenarkan mana-mana ahli bertanding jika mendapat sokongan mencukupi.

Selepas `bos Puteri' bersuara, barulah Ketua Puteri Bukit Bintang, Khasnoor Abdul Khalid dan Ketua Puteri Kota Kinabalu, Norsidah Mohd Yasin, mengesahkan akan turut bertanding jawatan Ketua Wanita bahagian.

Bagaimanapun Ketua Puteri Arau, Rozaina Ahmad, masih enggan mengesah atau menafikan akan bertanding jawatan ketua atau naib ketua, sebaliknya memilih untuk berdiam diri dulu.

Ketua Puteri Perak yang juga Ketua Puteri Bahagian Grik, Noor Asmah Mohd Nawawi, yang turut dikatakan mendapat pencalonan daripada cawangan pula mengesahkan tidak akan bertanding apa-apa jawatan dalam Wanita bahagian pada pemilihan kali ini.

Mereka yang hendak bertanding juga menerima teguran Rafidah itu sebagai satu nasihat daripada `seorang ibu' tetapi mempertahankan bahawa keputusan mereka dibuat kerana menghormati kehendak ahli, bukan kerana ghairah mengejar jawatan.

Misalnya, Khasnoor bersetuju dengan apa yang diperkatakan Rafidah dan beliau sendiri akur bahawa jika penyandang masih mampu berkhidmat dengan baik, tidak ada sebab untuk beliau bertanding.

"Masalahnya sekarang ialah ahli Wanita sendiri tidak berpuas hati dengan kepimpinan sedia ada dan mahukan perubahan sehingga saya setakat ini diberikan jumlah pencalonan yang mencukupi untuk bertanding.

"Tidak salah saya bertanding jika mendapat pencalonan mencukupi dan atas keyakinan yang diberikan ahli sendiri terhadap saya," katanya.

Dua lagi yang turut menawarkan diri bertanding jawatan Ketua Wanita Bahagian Bukit Bintang ialah penyandang, Mariany Mohammad Yit dan Mas Norma Mas Junid, yang pernah beberapa kali kalah kepada Mariany sebelum ini.

Haliza, 37, yang juga seorang peguam pula sudah menerima lebih 50 pencalonan daripada cawangan yang melayakkannya untuk bertanding. Beliau dijangka berhadapan penyandang, Shamsiah Rashidah Ibrahim.

Ramai yang mengaitkan tindakan lebih 50 cawangan mencalonkan Haliza itu dengan penolakan kertas pencalonan Shamsiah pada pilihan raya umum lalu.

Shamsiah adalah calon BN bagi kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN) Senggarang yang ditolak kertas pencalonannya kerana kesilapan teknikal pada hari penamaan calon pilihan raya umum lalu sehingga menyebabkan calon Pas diumumkan sebagai pemenang.

Ini menyebabkan ramai pihak termasuk di kalangan ahli Wanita sendiri yang dikatakan `masih marah' kerana menganggap kesilapan mengisi borang pencalonan itu sebagai tidak sepatutnya berlaku.

Bagi Haliza, keputusannya untuk bertanding bukan kerana ghairah untuk mengejar sebarang jawatan tetapi kerana akar umbi mahukan perubahan di kawasan itu.

"Saya tidak bertanding kerana suka-suka, tetapi ada faktor yang saya ambil kira. Saya juga sudah buat homework sejak tahun lalu dan tidak mahu mengecewakan ahli yang mencalonkan saya," katanya.

Nasihat Rafidah juga disifatkannya sebagai berbentuk umum kerana melihat Puteri sebagai pergerakan yang ditunjangi oleh kalangan muda.

Bagi Norsidah, masalah ketidaktelusan kepimpinan Wanita Bahagian Kota Kinabalu, mendorongnya untuk bertanding, apa lagi selepas mendapat pencalonan daripada cawangan.

Lulusan Diploma Pentadbiran Perniagaan yang berusia 37 tahun ini adalah satu-satunya daripada lima Ketua Puteri Bahagian di Sabah yang terpaksa berundur dari Puteri, yang menyatakan hasrat untuk bertanding.

Empat lagi ialah Aini Karno (Keningau), Suzaini Sapin (Putatan), Azizah Palari (Tawau) dan Sina Zariana (Kota Merudu).

Lebih mengejutkan ialah Norsidah yang menyandang jawatan Ketua Puteri Kota Kinabalu (dulunya Tanjung Aru), turut mendakwa ada cubaan untuk menyekat cawangan daripada mencalonkan beliau sehingga beberapa cawangan meneruskan mesyuarat tanpa cukup korum.

"Saya sudah membuat aduan secara rasmi kepada ibu pejabat parti berhubung perkara ini dan berharap tindakan sewajarnya dapat diambil," katanya.

Dua lagi calon yang menawarkan bertanding sebagai Ketua Wanita Bahagian Kota Kinabalu ialah penyandang sekarang, Rosimah Zakaria dan bekas Ketua Wanita Gaya yang masih dalam kawasan Kota Kinabalu selepas persempadanan semula, Maria Takin.

Norsidah juga tidak melihat Wanita sebagai satu pergerakan yang wajib diterajui golongan berumur saja, sebaliknya menganggap perlu diberi ruang dan peluang jika terbukti ada golongan muda lebih berkemampuan dan berwibawa.

Pemimpin Wanita pula menyuarakan pandangan berbeza dan masih mengharapkan supaya adik dan anak-anak dalam Puteri akur dengan nasihat Rafidah serta tidak bertanding.

Ketua Wanita Umno bahagian Seputeh, Datuk Azizah Samad, misalnya meminta Puteri mengambil kira pengorbanan dan pengalaman wanita peringkat bahagian yang lebih awal mengabadikan diri dalam perjuangan Umno.

"Beliau (Rafidah) tidak menghalang sesiapa daripada bertanding. Nasihatnya ikhlas sebagai seorang ibu, supaya anak-anak turut menghormati dan menjaga hati mereka yang lebih berpengalaman."

(END)